

MHATHIR - TENTERA 1984

KUALA LUMPUR, 13 SEPT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENDEDAHKAN PERBUATAN GOLONGAN TERTENTU YANG TIDAK MENGGALAKKAN ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA MASUK KE HUTAN KONONNYA DIKHUATIRI AKAN MENINGGALKAN SEMBAHYANG.

PERDANA MENTERI MENSIFATKAN PERBUATAN ITU SEBAGAI SATU PENGKHIANATAN TERHADAP NEGARA.

JIKA SARANAN SEUMPAMA ITU DIKUTI AKIBATNYA NEGARA AKAN KALAH KEPADA KOMUNIS DAN TERPAKSA MENGIKUT TINDAK-TANDUK MEREKA, KATANYA KETIKA MENUTUP SEMINAR DUA HARI GURU-GURU AGAMA KANAN ANGKATAN TENTERA DI KEMANTAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA SUDAH TIBA MASANYA DIBENTUK SATU KOR AGAMA UNTUK ANGKATAN TENTERA KERANA DENGAN ITU SATU BADAN YANG TERSUSUN AKAN DAPAT DIBENTUK UNTUK MENGENDALIKAN SOAL-SOAL KEAGAMAAN.

BELIAU JUGA MAHUKAN GURU-GURU AGAMA ANGKATAN TENTERA MERASAKAN DIRI MEREKA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN ITU. -- LAGI.
1509MST 13 09 84

D481

U B503 AAB

MAHATHIR-TENTERA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA GURU-GURU AGAMA ANGKATAN TENTERA SUPAYA MENINGKATKAN PRESTASI MEREKA DALAM MEMBERIKAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA PELAJARAN AGAMA YANG MEMBERIKAN SEMANGAT INGIN BERKORBAN UNTUK NEGARA.

KEBEBASAN UNTUK BERAGAMA DI NEGARA INI HARUS DIPERTAHANKAN DAN UNTUK ITU GURU-GURU AGAMA ANGKATAN TENTERA SEHARUSNYA MENANAMKAN SEMANGAT BERJUANG KE TITISAN DARAH TERAKHIR UNTUK AGAMA, BANGSA DAN TANAH AIR DISANUBARI ANGGOTA-ANGGOTA TENTERA.

JIKA NEGARA TERJAJAH KEPADA KOMUNIS, KEBEBASAN UNTUK BERAGAMA TIDAK ADA LAGI, KATANYA.

DI NEGARA NEGARA KOMUNIS, KATANYA, HANYA SEBILANGAN YANG TUA-TUA SAHAJA MASIH MENGANUT ISLAM SEDANGKAN YANG MUDA-MUDA TELAH DIPENGARUHI OLEH PENJAJAH YANG MENGATAKAN ISLAM ITU MENGHALANG KEMAJUAN.

MENURUT PERDANA MENTERI DALAM SEBUAH NEGARA DEMOKRATIK. SEPERTI MALAYSIA SESEORANG ITU BERHAK BERSIMPATI DENGAN MANA-MANA PARTI DAN MENGUNDINYA DALAM PILIHAN RAYA TETAPI SIMPATINYA ITU SEHARUSNYA TIDAK SAMPAI KEPADA SESEORANG ITU MENGKHINATI NEGARA. -- BERNAMA.